



Indeks syariah bukan setakat syiar Islam

LANGKAH kerajaan mengumumkan indeks syariah adalah sesuatu yang ditunggu-tunggu. Ia bukan sekadar suatu petunjuk mengenai perkembangan syiar Islam di Malaysia tetapi syariat Islam mula berkembang dalam sistem.

Sekian lama Malaysia tidak gopoh melakukan penerapan nilai-nilai Islam kerana sifat masyarakatnya majmuk tetapi istiqamah dengan proses Islamisasi terutama dalam pendidikan dan muamalah.

Proses penerapan dan Islamisasi tidak boleh selesai hanya dengan emosi, persepsi dan retorik tinggi mengenai Islam. Ia menuntut perancangan bijaksana, tekad yang tinggi membangunkan sumber daya insan dan integrasi ilmu nakliah-akliah. Cita-cita penerapan dan Islamisasi hanya boleh berlangsung sekiranya kualiti sistem pendidikan seimbang dengan keperluan membangun sumber daya insan yang holistik.

Ada lapan perkara yang menjadi fokus indeks syariah termasuk aspek ilmu dan pendidikan, ekonomi dan perundangan dan ia selari dengan maqasid syariah yang diperjuangkan kerajaan.

Maqasid syariah antaranya memberi fokus mengenai memperkasa agama, keturunan (kelangsungan generasi), dan ilmu pengetahuan supaya maruah umat terserlah. Islam yang berkembang di Malaysia bukan sekadar sebagai suatu sistem kepercayaan dengan berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi sedang memperlihatkan ia sebagai suatu cara hidup.

Binaan agama tidak sahaja mengembangkan asas rohani tetapi juga mencakupi fokus amaliah. Iman tanpa amal tidak akan terlihat keindahan Islam itu sendiri.

Sistem pendidikan di Malaysia tidak saja menawarkan pendidikan holistik dan integratif tetapi juga memberi fokus kepada hafazan al-Quran supaya seiring dengan kemajuan ilmu-ilmu kemanusiaan, sains dan teknologi. Sejak Persidangan Pendidikan Islam di Mekah pada 1977, Malaysia menyambutnya dengan mendirikan Universiti Islam Antarabangsa (1983).

Yang terkini di samping wujudnya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memberi fokus integrasi ilmu-ilmu akliah-nakliah dan Universiti Islam Malaysia (UIM), Kolej Universiti Islam Negeri, juga islah dalam sistem pendidikan arus perdana iaitu memperkenalkan pendidikan Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Ini adalah percubaan menarik menghasilkan sumber daya insan yang integratif dan ijtihadik supaya perubahan ke arah tamadun boleh terjadi.

Islah (reformasi) ini disambut oleh kerajaan dengan cadangan menubuhkan Kolej Universiti Al-

Quran Malaysia yang bakal menampung lulusan tahfiz dan agama supaya puncak pendidikan di Malaysia membolehkan generasi muda memiliki kemahiran al-Quran tidak sahaja secara tekstual tetapi juga secara kontekstual dan mampu menterjemahkan maksud Islam secara syumul dalam sistem.

Penulis masih ingat sewaktu Bank Islam dilancarkan pada 1983, ramai dalam kalangan orang Islam agak ragu-ragu atau dengan pelaksanaannya. Apa lagi dalam kalangan bukan Islam semacam kebingungan bagaimana sistem perbankan boleh berjalan berasaskan pendekatan patuh syariah tanpa riba. Hari ini persepsi ini ternyata berubah, malah ramai bukan Islam yang melabur dan meminjam di Bank Rakyat (berasaskan syariah) kerana melihat adanya faktor keuntungan dan kestabilan dalam pengurusanannya. Seiring dengannya lahir takaful (insurans), sukuk (bond), waqaf dan industri halal yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi umat Islam dan negara.

Indeks syariah model Malaysia ini boleh menjadi contoh kepada indeks syariah model dunia Islam. Umat Islam harus menjadikan agenda membangun sumber daya insan (pendidikan) sebagai keutamaan. Retorik kosong tanpa memahami strategi dan masalah banyak menghasilkan konflik dan fokus harus ditumpukan ke arah Islamisasi sistem secara bijaksana dan terancang.

Islam yang berkembang di Malaysia bukan sekadar sebagai suatu sistem kepercayaan dengan berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi sedang memperlihatkan ia sebagai suatu cara hidup.